

PAS bincang mendalam isu jenayah berat dalam mesyuarat akan datang
Malaysian Insider
Aug 12 , 2013

PAS akan membincangkan secara menyeluruh isu jenayah berat yang berleluasa sekarang dalam mesyuarat Jawatankuasa PAS Pusat akan datang.

Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub dalam kenyataannya kepada The Malaysian Insider berkata, beliau sendiri akan membawa perkara tersebut dalam mesyuarat JK Pusat terdekat.

"PAS sebagai parti politik utama di negara ini tidak boleh sekadar menghentam pihak-pihak terlibat dalam isu ini sahaja tanpa memberikan cadangan dan pandangan untuk menyelesaikannya.

"Saya sendiri akan membawa isu ini untuk dibincang secara terperinci dan membuat cadangan yang sesuai," katanya.

Beliau mengulas peningkatan jenayah berat sejak kebelakangan ini terutama yang melibatkan senjata api.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi memaklumkan, kira-kira 260,000 penjenayah tegar berleluasa selepas dimansuhkan Ordinan Kediaman Terhad (EO).

PAS, kata Salahuddin mempunyai pakar-pakar keselamatan yang berpengalaman dari kalangan bekas polis dan tentera.

"Kita akan bawa mereka untuk berbincang dengan pimpinan parti dan NGO untuk membolehkan satu cadangan yang sesuai dan terbaik untuk negara di buat," kata Salahuddin.

Bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Fauzi Shaari antara yang dimiliki PAS selepas beliau menyertai parti itu sebelum ini.

PAS mempunyai ramai bekas tentera yang kini aktif dalam parti itu dan dipercayai boleh membantu PAS merangka pelan terbaik untuk membantu menyelesaikan isu yang semakin serius ini, kata Salahuddin. – 12 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-bincang-mendalam-isu-jenayah-berat-dalam-mesyuarat-akan-datang>